

Exco dipecat terima pemecatan, persoal kredibiliti Khalid
Malaysian Insider
Aug 13, 2014
OLEH MOHD FARHAN DARWIS

Bekas anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan Datuk Teng Chang Kim berkata beliau menerima pemecatannya, namun mempersoalkan kredibiliti tindakan berkenaan oleh Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

"Kami perlu terima pemecatan kerana ia dari Sultan. Kami tidak akan cabar.

"Saya persoalkan keesahan penamatan tugas sebagai Exco, saya mempertikaikan tindakan Khalid memecat kami sebelum mendapat perkenan sultan," katanya kepada pemberita pada sidang media di lobi Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam hari ini.

Beliau berkata, sebagai menteri besar Selangor, Khalid boleh memecat mereka, namun pemecatan itu perlu dilakukan dengan kredibiliti.

Teng berkata, kenyataan Khalid hari ini berhubung pemecatan mereka tidak konsisten dengan kenyataan yang dikeluarkan menteri besar itu semalam.

"Ketika beliau memecat kami, Khalid belum menerima perkenan Sultan," kata Teng.

"Kenyataan beliau tentang alasan pemecatan ini tidak konsisten," katanya.

Teng berkata, alasan awal Khalid berhubung pemecatan anggota Exco dari PKR dan DAP adalah disebabkan kenyataan bersama mereka yang didakwa "menandatangani surat supaya diadakan satu blok yang bertujuan mengurangkan keberkesanan Exco."

"Oleh itu saya menulis surat kepada sultan meminta supaya Exco ini tidak meneruskan kerjanya kerajaan negeri Selangor," kata Khalid semalam.

Teng menegaskan, kenyataan bersama yang dikeluarkan mereka adalah pada jam 4.20 petang semalam.

"Khalid berkata beliau menulis surat pada jam 2 petang dan sultan membalasnya 2 jam kemudian," katanya.

Teng berkata, ekoran tindakan itu, Khalid seolah-olah mengetahui mereka akan mengeluarkan kenyataan pada petang itu.

Khalid dalam kenyataannya berkata, beliau menulis surat kepada Sultan selepas mengetahui pendirian 5 Exco terbabit pada jam 2 petang semalam.

Sultan kemudian membalas surat Khalid secara bertulis dan membenarkan pemecatan itu dibuat kira-kira jam 5 petang.

"Beta tiada halangan jika Yang Amat Berhormat (YAB) menamatkan khidmat mereka," kata Khalid ketika membacakan surat jawapan balas Sultan Selangor kepadanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SUK) di Shah Alam, hari ini.

Beliau juga akan mengosongkan pejabatnya apabila menerima surat penamatan tugas daripada Sultan. – 13 Ogos, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/exco-dipecat-terima-pe-mecatan-persoal-kredibiliti-khalid>